

# **STPM Kertas 1 2016:**

## **Soalan 2**

- (a) Perihalkan tiga prinsip perakaunan bagi merekodkan aset harta tanah, loji dan peralatan.  
(3 markah)
- (b) Nyatakan ciri aset muhibah dari segi penentuan kos dan kaedah penilaian tahunan.  
(2 markah)
- (c) Penyata kedudukan kewangan Syarikat Idola Sdn. Bhd. Berkaitan dengan aset harta tanah, loji, dan peralatan pada 1 Januari 2014 adalah seperti yang berikut:

	RM	RM
Tanah		3,500,000
Bangunan	7,000,000	
Susut nilai terkumpul	<u>(1,625,000)</u>	5,375,000
Peralatan dan mesin	75,000	
Susut nilai terkumpul	<u>(9,000)</u>	66,000
Kenderaan	50,000	
Susut nilai terkumpul	<u>(36,000)</u>	14,000
Paten (bersih)		60,000
Muhibah		15,000

**Maklumat tambahan**

- (1) Bangunan telah dibeli lima tahun yang lalu. Bangunan dijangka dapat diguna selama 20 tahun dengan nilai sisa sebanyak RM500,000. Syarikat menggunakan kaedah susut nilai garis lurus untuk bangunan.
- (2) Peralatan berikut disusutnilaikan dengan menggunakan kaedah garis lurus:

Butiran	Tarikh perolehan	Kos	Usia guna	Nilai sisa
Peralatan pejabat	1 Januari 2012	RM15,000	10 tahun	tiada
Mesin XX	1 Januari 2010	RM40,000	6 tahun	RM4,000
Mesin YY	31 Disember 2013	RM20,000	4 tahun	RM2,000

- (3) Kenderaan telah diperoleh tiga tahun lepas dan dijangka dapat digunakan untuk tempoh dua tahun lagi dengan nilai sisa sebanyak RM5,000. Kaedah jumlah usia guna digunakan untuk merekod belanja susut nilai aset.
- (4) Paten adalah hak yang diperoleh untuk mengeluarkan bekas simpanan makanan sejuk yang kedap udara untuk tempoh tiga tahun lagi. Kaedah pelunasan gairs lurus digunakan untuk merekod belanja pelunasan.

Urus niaga berkaitan aset harta tanah, loji, dan peralatan sepanjang tahun 2014 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Urus niaga								
1 Januari	Melupuskan kenderaan yang sedia ada kerana rosak teruk.								
1 Januari	Membeli kenderaan baharu secara tunai dengan melibatkan kos seperti yang berikut: <table border="1"><tr><td>Harga belian</td><td>RM60,000</td></tr><tr><td>Cukai jalan</td><td>RM1,000</td></tr><tr><td>Insurans</td><td>RM1,500</td></tr><tr><td>Cat loga syarikat</td><td>RM2,000</td></tr></table> Kenderaan dianggarkan dapat digunakan selama tujuh tahun dengan nilai sisa RM5,000. Syarikat menggunakan kaedah usia guna untuk merekodkan belanja susut nilai.	Harga belian	RM60,000	Cukai jalan	RM1,000	Insurans	RM1,500	Cat loga syarikat	RM2,000
Harga belian	RM60,000								
Cukai jalan	RM1,000								
Insurans	RM1,500								
Cat loga syarikat	RM2,000								
1 April	Membayar RM5,600 sebagai belanja penyelenggaraan tahunan bangunan.								
30 April	Menjual sebidang tanah yang telah dibeli pada harga RM500,000, dan mendapat keuntungan RM1,000,000.								
30 Julai	Menukar beli Mesin XX dengan mesin baharu yang berkapasiti lebih tinggi. Sehingga akhir tahun 2013 mesin ini telah disusutnilaikan selama empat tahun. Syarikat membayar tunai RM38,000 untuk mesin baharu dengan harga pasaran RM46,000.								
1 Ogos	Membelanjakan RM7,000 bagi mempertahankan hak ke atas paten.								
30 Disember	Membelanjakan RM3,000 ke atas Mesin YY. Perbelanjaan ini menyebabkan usia guna Mesin YY bertambah sebanyak dua tahun lagi.								
31 Disember	Menjual Mesin YY dengan kerugian atas pelupusan sebanyak RM1,000.								
31 Disember	Melupuskan aset muhibah kerana tidak lagi mempunyai nilai.								

Dikehendaki :

Sediakan catatan jurnal bagi setiap urus niaga di atas.

(15 markah)